

# INSMAT HIKING CHALLENGE



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4567-insmat-hiking-challenge](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4567-insmat-hiking-challenge)



KOTA DAMANSARA, 22 Feb 19 - Institut Latihan Pengurusan Materiel (INSMAT) TUDM Kinrara telah menganjurkan 'Peak For Fitness Hiking Challenge' di Hutan Simpan Kota Damansara. Aktiviti yang dibawah kelolaan Jurulatih Jasmani Pangkalan ini telah disertai oleh 68 warga INSMAT yang terdiri daripada pegawai dan anggota



Pendakian yang mengambil masa kira-kira 40 minit menuju ke puncak, berjalan dengan lancar tanpa mengalami sebarang kecederaan walaupun keadaan jalan ketika itu agak curam dan mencabar. Aktiviti yang dijalankan ini bukan sahaja menguji kecergasan setiap warga INSMAT malah ianya juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama pegawai dan anggota yang hadir.

